

Najib Lancar PR1MA Kuantan Esok Di Majlis Jelajah Janji Ditepati

Bernama

22 Mac, 2013

PETALING JAYA, 22 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Kuantan esok, sempena program Jelajah Janji Ditepati.

Projek perumahan itu, yang terdiri daripada tanah persekutuan, negeri dan persendirian, akan menampung keperluan perumahan rakyat keseluruhan tiga kawasan utama di Kuantan iaitu Bandar Kuantan, Indera Mahkota dan Paya Besar.

Diperkenalkan oleh kerajaan untuk mempromosikan pemilikan rumah di kalangan kumpulan rakyat Malaysia berpendapatan sederhana, pengumuman PR1MA Kuantan tepat pada masanya kerana ia terletak dengan strategik dalam lingkungan tiga kawasan dengan jumlah penduduk 467,000, kata Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Abdul Mutalib Alias dalam persidangan akhbar hari ini.

Beliau berkata permintaan untuk rumah mampu milik telah meningkat dengan kukuh di Pahang, terutamanya dirangsang oleh industri petrokimia di Gebeng, industri automotif di Pekan dan perbandaran baharu yang kian pesat di Kuantan.

"Dengan harga rumah dua tingkat di Kuantan telahpun mencecah RM500,000 di beberapa kawasan, PR1MA Kuantan akan membantu memenuhi beberapa permintaan untuk rumah mampu milik bagi mereka yang berpendapatan sederhana di kawasan yang penting kepada kejayaan Wilayah Ekonomi Pantai Timur," kata beliau.

PR1MA Kuantan akan menjadi sebuah pembangunan bersepadu, terdiri daripada kediaman PR1MA, taman awam, kedai runcit, gedung beli-belah, pejabat dan kemudahan awam yang lain.

Ia amat mudah untuk diakses melalui Jalan Gambang, Jalan Tanjung Lumpur dan Jalan Pekan, kata Abdul Mutalib.

Projek itu akan terdiri daripada campuran kediaman rumah tingkat dan apartmen, dengan harga permulaan dijangka 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran di Kuantan.

Abdul Mutalib berkata permintaan untuk kediaman mampu milik oleh mereka berpendapatan sederhana di kawasan Kuantan ialah antara lima kawasan yang mendapat permintaan utama di Kuantan, setara dengan Kuching dan Kota Kinabalu.

Abdul Mutalib turut menggalakkan pembeli yang layak untuk cepat-cepat mendaftar nama mereka untuk kediaman PR1MA Kuantan di laman sesawangnya di www.pri1ma.my.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=936558>